

Hubungan Antara Konsep Kendiri, Dimensi Personaliti Dan Persekitaran Keluarga Terhadap Pencapaian Akademik Pelajar SPA, SPE Dan SPJ

Yusof Bin Boon & Nurul Ezzati Binti Azizi

Fakulti Pendidikan

Universiti Teknologi Malaysia

Abstrak : Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti sama ada terdapat hubungan antara konsep kendiri, dimensi personaliti, dan persekitaran keluarga di kalangan pelajar. Sebanyak 158 pelajar daripada Fakulti Pendidikan yang mengambil kursus Sarjana Muda Teknologi serta Pendidikan (Kejuruteraan Awam), Sarjana Muda Teknologi serta Pendidikan (Kejuruteraan Elektrik) dan Sarjana Muda Teknologi serta Pendidikan (Kejuruteraan Mekanikal) dipilih untuk menjadi responden dalam kajian ini. Satu kajian rintis telah dijalankan ke atas 20 pelajar untuk menguji kebolehpercayaan instrument yang digunakan. Instrumen yang digunakan untuk menguji dimensi personaliti pelajar dalam kajian ini adalah Inventori Personaliti Junior Eysenck (JEPI) dalam versi Bahasa Melayu yang mempunyai kebolehpercayaan 0.532. Untuk mengukur konsep kendiri pelajar dalam kajian ini Skala Konsep Kendiri Tennessee yang mempunyai kebolehpercayaan 0.834 telah digunakan. Instrumen yang mengukur tahap persekitaran keluarga mempunyai tahap kebolehpercayaan 0.880. Data-data yang diperolehi diproses dengan menggunakan perisian *SPSS (Statistical Package for the Social Sciences)*. Statistik deskriptif dan korelasi Pearson digunakan dalam menganalisa hubungan di antara konsep kendiri, dimensi personaliti dan persekitaran keluarga terhadap pencapaian akademik. Analisis dijalankan pada aras signifikan 0.05. Hasil analisis menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan antara konsep kendiri dengan pencapaian akademik, dimensi personaliti dengan pencapaian akademik dan persekitaran keluarga dengan pencapaian akademik.

Katakunci : hubungan, konsep kendiri, dimensi personaliti, persekitaran keluarga, pencapaian akademik pelajar

Pengenalan

Malaysia telah melangkah ke alaf baru dengan harapan dunia Sains dan Teknologi ini akan membawa lebih keselesaan dan kesenangan bagi rakyat jelata. Namun begitu, dalam arus kebangkitan ummah sekarang, telah muncul beberapa cabaran dan halangan yang harus ditangani.

Falsafah Pendidikan Negara yang bertujuan untuk memanusiaikan manusia haruslah diberikan keutamaan dalam hal ini. Falsafah Pendidikan Negara juga bertanggungjawab melahirkan warganegara yang mempunyai sahsiah yang baik dan seimbang, berketrampilan, berakhlak mulia serta patuh kepada Tuhan. Hal ini tidak menjadi masalah kerana kurikulum sekolah menengah dan sekolah rendah di Malaysia adalah berlandaskan Falsafah ini.

Sistem pendidikan memainkan peranan yang amat penting dalam membentuk generasi dan pemimpin pada masa akan datang. Oleh itu, sekolah adalah menjadi tempat utama dalam membentuk dan menghasilkan pelajar yang bukan sahaja bijak tetapi juga berwibawa, berkarisma dan berketrampilan untuk menjadi pemimpin di masa hadapan. Bagi merealisasikan impian ini, para pendidik perlulah mempunyai ilmu dan pengetahuan yang cukup dalam pembentukan konsep kendiri pelajar bagi menghasilkan generasi yang lebih berwibawa dan berkeyakinan.

Potkey dan Allen (1986) dalam buku *Personality : Theory, Research and Applications* menyatakan konsep sendiri adalah pandangan individu tentang personaliti dirinya sendiri. Ia adalah persepsi personaliti dari dalam. Dapat disimpulkan bahawa konsep sendiri adalah sebahagian dari personaliti. Fulmer (1972) berpendapat konsep sendiri bergantung kepada interaksi sosial seseorang dengan persekitarannya. Hasil interaksi dan pengalamannya dengan orang-orang signifikan di sekelilingnya khususnya ahli keluarganya mampu mempengaruhi, membentuk dan mengubah konsep sendiri serta personalitinya.

Namun begitu, untuk mencapai kecemerlangan dalam bidang akademik, bukanlah satu perkara yang mudah. Banyak sebenarnya faktor-faktor yang mempengaruhi kecemerlangan akademik seseorang pelajar. Kecemerlangan akademik juga perlu seiring dengan kecemerlangan aspek-aspek yang lain seperti kemahiran komunikasi, kepimpinan, pengurusan diri, akhlak dan personaliti kerana secara tidak langsung ia banyak membantu ke arah pencapaian akademik yang cemerlang.

Penyataan Masalah

Malaysia adalah sebuah negara yang sedang membangun. Untuk terus maju, setiap lapisan ahli masyarakat haruslah menyumbangkan tenaga. Pelajar adalah merupakan golongan yang akan menjadi penyumbang kepada tampuk kepimpinan negara pada masa akan datang. Oleh itu, mereka haruslah mempunyai konsep sendiri tinggi dan peribadi atau personaliti yang boleh dikagumi untuk memajukan negara.

Golongan remaja seperti pelajar adalah golongan yang sering mengalami cabaran dan dugaan. Mereka belum stabil dan masih terumbang-ambing dalam mencari identiti diri. Dalam proses ini, unsur-unsur positif dan negatif adalah senang dan cepat meresap untuk membentuk sahsiah dan personaliti remaja apabila dewasa. Melalui personaliti dan konsep sendiri yang dibentuk ini, secara tidak langsung akan memberi pengaruh dalam prestasi akademik mereka. Dengan kata lain, mereka yang mempunyai konsep sendiri dan personaliti yang berbeza, mempunyai pencapaian akademik yang berbeza.

Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan berdasarkan beberapa objektif iaitu:

- i. Untuk mengenalpasti jenis konsep sendiri yang utama dimiliki seperti fizikal, etika dan moral, peribadi, keluarga, sosial dan sifat-sifat akhlak di kalangan pelajar-pelajar SPA, SPE dan SPJ.
- ii. Untuk mengenal pasti jenis dimensi personaliti yang utama dimiliki seperti ekstroversi dan neurotisme di kalangan pelajar-pelajar SPA, SPE dan SPJ.
- iii. Untuk mengenal pasti tahap persekitaran keluarga di kalangan pelajar-pelajar SPA, SPE dan SPJ.
- iv. Untuk mengenal pasti tahap pencapaian akademik di kalangan pelajar-pelajar SPA, SPE dan SPJ.
- v. Untuk mengetahui sama ada terdapat perhubungan yang signifikan antara jenis konsep sendiri seperti fizikal, etika dan moral, peribadi, keluarga, sosial dan sifat-sifat akhlak dengan pencapaian akademik di kalangan pelajar-pelajar SPA, SPE dan SPJ.
- vi. Untuk mengetahui sama ada terdapat perhubungan yang signifikan antara dimensi personaliti seperti ekstroversi dan neurotisme dengan pencapaian akademik di kalangan pelajar SPA, SPE dan SPJ.

- vii. Untuk mengetahui sama ada terdapat perhubungan yang signifikan antara persekitaran keluarga dengan pencapaian akademik di kalangan pelajar SPA, SPE dan SPJ.

Kepentingan Kajian

Banyak kajian telah dijalankan di dalam dan luar negara berkaitan dengan pembelajaran, khususnya berkaitan dengan masalah pembelajaran dan faktor-faktor yang mempengaruhi prestasi akademik pelajar. Oleh itu, hasil kajian ini dijalankan mempunyai beberapa kepentingan seperti berikut:

Kepentingan Kepada Pelajar : Selain daripada itu, dapatan kajian ini diharap dapat membantu dan member kesedaran kepada pelajar-pelajar sendiri tentang perkara yang mungkin boleh menyebabkan mereka lemah dalam akademik dan seterusnya membantu mereka memperbaiki kelemahan tersebut.

Kepentingan Kepada Ibu Bapa Pelajar : Kajian ini juga dapat memberi pendedahan kepada para ibu bapa pelajar bagi memastikan mereka mengambil berat hal-hal yang berkaitan dengan akademik anak-anak. Hal ini secara tidak langsung akan mengubah sikap ibu bapa untuk mendidik anak-anak mereka agar lebih mementingkan pelajaran. Oleh itu, melalui sikap positif ibu bapa ini diharap akan meningkatkan lagi pencapaian akademik pelajar di masa akan datang.

Kepentingan Kepada Penyelidik Akan Datang : Penyelidik yang akan datang pula boleh menggunakan dapatan ini sebagai rujukan untuk menghasilkan kajian yang lebih sempurna dalam usaha untuk memperbaiki pencapaian akademik pelajar di Fakulti Pendidikan, UTM.

Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian adalah teknik dan kaedah tertentu untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan bagi menyelesaikan masalah (Azizi, 2002).

Kajian yang dijalankan adalah berbentuk tinjauan deskriptif yang tertumpu pada hubungan dimensi personaliti, konsep sendiri dan persekitaran keluarga terhadap pencapaian akademik pelajar-pelajar yang mengambil kursus SPA, SPE dan SPJ di Fakulti Pendidikan, UTM.

Kajian ini juga menunjukkan perkaitan antara dimensi personaliti dengan pencapaian akademik, perkaitan antara konsep sendiri dengan pencapaian akademik dan persekitaran keluarga dengan pencapaian akademik.

Kajian yang dijalankan ini melibatkan kajian deskriptif dan kajian inferensi kerana kajian ini berbentuk kajian perhubungan di antara pemboleh ubah kajian. Kajian ini juga mengandungi pemboleh ubah bersandar dan pemboleh ubah bebas. Pemboleh ubah bebas disini adalah dari segi konsep sendiri, personaliti pelajar dan persekitaran keluarga, manakala pemboleh ubah bersandar pula ialah pencapaian akademik pelajar.

Korelasi Hasil Darab Momen Pearson digunakan untuk menganalisis data yang diperolehi untuk melihat darjah hubungan dimensi-dimensi personaliti, konsep sendiri dan persekitaran keluarga dengan pencapaian akademik.

Data kajian ini diperolehi menggunakan soal selidik yang terbahagi kepada tiga bahagian iaitu latar belakang responden, dimensi personaliti, konsep sendiri dan persekitaran keluarga. Untuk mengukur konsep sendiri pelajar, kajian ini menggunakan soal selidik yang telah diubah suai daripada Skala Konsep Diri Tennessee dan personaliti pelajar pula diukur menggunakan Inventori Personaliti Junior Eysenck (JEPI). Manakala item soal selidik persekitaran keluarga dibina sendiri oleh penyelidik.

Populasi dan Sampel Kajian

Populasi kajian ini adalah seramai 200 pelajar dari tiga kursus di Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia. Penentuan saiz sampel dalam kajian ini adalah berasaskan kaedah yang digunakan oleh Krejcie dan Morgan (1970). Menurut Azizi et. al (2007), beberapa teknik dapat digunakan bagi mendapatkan sampel yang mewakili populasi dengan tepat. Saiz sampel kajian pula ditentukan berdasarkan jadual penentuan saiz sampel seperti yang disyorkan oleh Krejcie dan Morgan (1970)

Berdasarkan kepada jadual tersebut, Krejcie dan Morgan (1970) telah menentukan bahawa jika bilangan populasinya ialah 200 orang, maka jumlah saiz sampelnya adalah 132. Oleh itu, sebanyak 160 soal selidik diedarkan bagi memastikan bahawa jumlah yang dikehendaki dalam kajian ini dipenuhi dan memastikan hanya responden yang menjawab dengan lengkap sahaja dijadikan sampel. Sebanyak 158 borang soal selidik dikembalikan dan dijadikan sebagai sampel kajian.

Instrumen Kajian

Instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah berbentuk soal selidik. Menurut Azizi et al. (2007), perwujudan dan pengaturan daripada borang soal selidik adalah cara yang berkesan dan berjaya. Soal selidik yang dilakukan dengan betul dan berhati-hati meningkatkan jumlah maklum balas, memudahkan kesimpulan dan analisis data terkumpul. Soal selidik juga sesuai digunakan kerana soal selidik menjamin kerahsiaan dan menimbulkan respons yang lebih jujur disamping memerlukan kos yang rendah mendapatkan maklum balas yang besar.

Instrumen yang digunakan adalah mengandungi soalan tentang demografi responden, JEPI, Skala Konsep Kendiri Tennessee serta persekitaran keluarga.

Soal selidik dibahagikan kepada empat bahagian iaitu bahagian A, bahagian B, C dan bahagian D. Bahagian A mengandungi soalan tentang latar belakang pelajar.

Bahagian B pula adalah skala Konsep Kendiri Tennessee manakala bahagian C dan D masing-masing adalah Inventori personaliti Eysenck Junior dan persekitaran keluarga.

Kajian Rintis

Satu kajian rintis telah dijalankan sebelum kajian sebenar dimulakan. Kajian rintis yang dijalankan dalam kajian ini adalah untuk menguji kebolehpercayaan dan kesahan soal selidik yang akan digunakan di dalam kajian sebenar. Sebanyak 20 orang pelajar yang bukan responden sebenar telah diambil untuk menjalankan kajian rintis ini.

Hasil kajian rintis menunjukkan bahawa terdapat beberapa item dalam soal selidik yang perlu diperbaiki. Item-item ini dipermudahkan susunan ayatnya supaya membawa erti yang sama. Hasil kebolehpercayaan soal selidik Bahagian B, C dan D masing-masing adalah 0.5739, 0.8657 dan 0.8801.

Analisis Data

Jadual 1 menunjukkan peratusan responden yang menjawab setiap item persekitaran keluarga. Dapatan menunjukkan min yang tertinggi ialah item 5 dan item 10 dengan kenyataan “Persefahaman yang baik wujud dalam keluarga saya” dan “Keluarga akan menasihati saya dalam setiap perkara” dengan skor min sebanyak 3.7278. Sebanyak 55 dan 57 orang responden menjawab sangat setuju dan 49 dan 45 orang responden menjawab setuju.

Min kedua tertinggi ialah item 1 dengan kenyataan “Ahli keluarga saya saling membantu antara satu sama lain” dengan skor min 3.6709. Sebanyak 55 orang responden menjawab sangat setuju dan 47 orang responden menjawab setuju.

Manakala bagi item 8 dengan kenyataan “Setiap ahli keluarga saya diberikan perhatian secukupnya.” dengan skor min 3.6456 merupakan skor min ketiga tertinggi dimana sebanyak 55 orang responden menjawab sangat setuju dan 44 orang responden menjawab setuju.

Item 12 dengan skor min 3.6392 dengan pernyataan “Kami sekeluarga sering melakukan kerja-kerja di rumah bersama-sama” berada ditempat ke empat tertinggi. Seramai 50 orang responden menjawab sangat setuju dan 53 orang responden menjawab setuju.

Jadual 1 : Taburan Responden Mengikut Persekitaran Keluarga

No	Kenyataan	ATS (%)	TS (%)	TP (%)	S (%)	AS (%)	Min	Sp
1	Ahli keluarga saya saling membantu antara satu sama lain.	7.0	18.4	10.1	29.7	34.3	3.6709	1.30868
2	Kami selalu menghabiskan masa di rumah.	4.4	24.1	11.4	33.5	26.5	3.5380	1.23966
3	Ibu bapa saya menatur jadual pembelajaran saya di rumah.	13.3	35.4	9.5	24.7	17.1	2.9684	1.35167
4	Ahli keluarga saya member sokongan antara satu sama lain.	8.2	20.3	10.8	29.7	31.0	3.5506	1.33329
5	Persefahaman yang baik wujud dalam keluarga saya.	5.7	16.5	12.0	31.0	34.8	3.7278	1.25505
6	Keluarga sangat prihatin terhadap pencapaian akademik saya.	7.6	19.0	10.1	29.1	34.2	3.6329	1.32758
7	Saya selalu berbincang dengan keluarga setiap kali menghadapi masalah.	8.9	17.1	11.4	36.1	26.6	3.5443	1.28982
8	Setiap ahli keluarga saya diberikan perhatian secukupnya.	4.4	24.1	8.9	27.8	34.8	3.6456	1.29711
9	Kemudahan yang lengkap di rumah memberi keselesaan kepada saya.	8.2	17.7	12.0	27.2	34.8	3.6266	1.33776

10	Keluarga akan menasibati saya dalam setiap perkara.	4.4	19.0	12.0	23.5	36.1	3.7278	1.25505
11	Kami sekeluarga sering melakukan aktiviti riadah bersama-sama.	8.2	21.5	10.1	33.5	26.6	3.4873	1.31011
12	Kami sekeluarga sering melakukan kerja-kerja di rumah bersama-sama.	7.0	19.0	8.9	33.5	31.6	3.6292	1.29289
Purata							3.5633	1.2999

Pernyataan pada item 6 iaitu “Keluarga saya sangat prihatin terhadap pencapaian akademik saya” dengan skor min 3.6329 berada di tempat kelima tertinggi. Seramai 54 orang responden menjawab sangat setuju dan 46 orang responden menjawab setuju.

Pada keseluruhannya persepsi pelajar terhadap persekitaran keluarga berada pada tahap sederhana dengan skor min 3.5633 dan nilai sisihan piawai keseluruhan ialah 1.2999.

Jadual 2: Tahap Persekitaran Keluarga

Tahap	Bilangan	Peratus
Rendah	20	12.7
Sederhana	65	41.1
Tinggi	73	46.2
Jumlah	158	100.0

Berdasarkan jadual 2, didapati sebanyak 73 orang responden atau 46.2 peratus mempunyai tahap persekitaran keluarga yang tinggi dan 65 orang responden atau 41.1 peratus mempunyai tahap persekitaran keluarga yang sederhana. Manakala sebanyak 20 orang responden atau 12.7 peratus mempunyai tahap persekitaran keluarga yang rendah.

Perbincangan

Berdasarkan kepada dapatan yang diperoleh, seramai 158 orang pelajar dari Fakulti Pendidikan yang mengambil kursus Sarjana Muda Teknologi serta Pendidikan (Kejuruteraan Awam), Sarjana Muda Teknologi serta Pendidikan (Kejuruteraan Elektrik), Sarjana Muda Teknologi serta Pendidikan (Kejuruteraan Mekanikal), telah dijadikan sebagai responden yang terdiri daripada 158 orang pelajar tahun satu hingga tahun empat. Taburan responden mengikut jurusan adalah seramai 57 orang pelajar SPA, 60 orang pelajar SPE dan 41 orang pelajar SPJ.

Hal ini menunjukkan bahawa pendidikan merupakan satu aspek yang penting dalam kehidupan sesebuah keluarga. Ibu bapa yang berpelajaran biasanya akan mengharapkan anak-anak mereka berjaya lebih berjaya dan mendapat pendidikan yang lebih tinggi daripada mereka sendiri.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa konsep sendiri keluarga mempunyai min tertinggi iaitu 3.4799, min kedua tertinggi ialah konsep sendiri etika dan moral iaitu 3.3490 dan min

ketiga tertinggi ialah konsep sendiri sifat-sifat akhlak. Manakala min keempat tertinggi ialah sendiri fizikal iaitu 3.2532, min kelima tertinggi ialah sendiri peribadi iaitu 3.0994 dan min yang terendah ialah sendiri sosial iaitu 3.0816. Ini menunjukkan bahawa konsep sendiri keluarga merupakan konsep sendiri yang utama dimiliki oleh responden.

Berdasarkan analisis kajian yang telah dilakukan, item yang menyumbang min tertinggi bagi konsep sendiri keluarga ialah “Saya patut menyayangi keluarga saya lebih dari yang lain” dengan skor min sebanyak 3.8291. Manakala item “Saya tidak disayangi oleh keluarga” mendapat min terendah iaitu 2.4177. Dapatan ini juga boleh dikaitkan dengan hubungan antara responden dan keluarga di mana ia merupakan faktor yang sangat mempengaruhi penilaian konsep sendiri terhadap diri responden terutama hubungan mereka dengan ibu bapa dan adik-beradik.

Walau bagaimanapun, kajian ini bertentangan dengan kajian yang dijalankan oleh Nor Sa’adah (1999). Dapatan kajiannya menunjukkan bahawa faktor konsep sendiri fizikal mempunyai min tertinggi iaitu 65.39 berbanding dengan konsep sendiri keluarga yang mendapat nilai min sebanyak 63.16. Hal ini berlaku kerana responden berasa tidak dihargai oleh ahli keluarganya dan seterusnya menyumbang kepada konsep sendiri keluarga yang rendah.

Selain itu, dapatan kajian ini mendapati konsep sendiri seperti etika dan moral mempunyai min kedua tertinggi selepas konsep sendiri keluarga. Etika dan moral merangkumi soal harga diri, hubungan dengan Tuhan, rasa puas hati atau sebaliknya dalam penglibatannya dalam agama yang dianuti (Azizi et. al, 2005).

Berdasarkan dapatan kajian yang dijalankan, konsep sendiri sifat-sifat akhlak merupakan konsep sendiri yang ketiga utama yang dimiliki oleh responden berdasarkan nilai min yang diterima iaitu 3.3253. Dapatan menunjukkan min yang tertinggi ialah item bagi kenyataan “Saya lebih suka menang daripada kalah dalam sesuatu pertandingan” dengan skor min sebanyak 3.5759. Manakala pernyataan “Saya tidak menyukai semua orang yang saya kenali” merupakan pernyataan dengan skor min terendah iaitu 2.8924.

Kajian yang dijalankan menunjukkan konsep sendiri fizikal merupakan konsep sendiri yang keempat utama dimiliki oleh responden. Dapatan menunjukkan min yang tertinggi ialah pernyataan “Saya menjaga dengan baik keadaan fizikal saya” dengan skor min sebanyak 3.8038. Manakala pernyataan “Saya seorang yang selekeh” merupakan pernyataan paling rendah nilai minnya iaitu 2.6203.

Kajian ini menunjukkan bahawa keadaan fizikal memainkan peranan yang penting dikalangan responden. Hal ini demikian kerana mereka lebih cenderung menyukai keadaan fizikal mereka seadanya.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa konsep sendiri peribadi kurang dominan dikalangan responden. Hal ini berikutan nilai purata min yang agak rendah berbanding nilai min bagi jenis konsep sendiri yang lain.

Dapatan kajian juga menunjukkan konsep sendiri sosial mempunyai min yang paling rendah. Hal ini boleh dikaitkan bahawa kebanyakan responden mempunyai masalah interaksi sosial yang disebabkan oleh budaya masyarakat di negara ini kurang bersosial berbanding negara-negara maju di barat kerana masyarakat di negara ini lebih terikat dengan garis panduan yang di tetapkan oleh agama. Hasil kajian ini juga bertentangan dengan kajian yang dijalankan oleh Azizah (1998) yang mendapat skor sederhana untuk konsep sendiri sosial dimana rakan sebaya merupakan orang yang sangat mempengaruhi tingkah laku mereka.

Hasil kajian ini selari dengan kajian oleh Chai (2006) iaitu keseluruhan tahap konsep sendiri pelajar berada di tahap yang sederhana. Kajian yang dijalankan oleh Azizah (1998) juga

mendapat hasil yang sama iaitu konsep sendiri pelajar berada di tahap yang sederhana. Menurut Harter (1985, dalam Chai, 2005), kajian yang dijalankan mendapati faktor persekitaran mempengaruhi konsep sendiri seseorang. Empat punca yang dikenal pasti mempengaruhi konsep sendiri seseorang termasuklah ibu bapa, guru, rakan karib dan rakan sekelas di mana ia membentuk pengalaman sama ada positif atau negatif. Secara keseluruhannya boleh dikatakan bahawa konsep sendiri seseorang sangat bergantung kepada hubungan dengan individu lain sama ada merasakan dirinya dihargai ataupun tidak.

Hasil dapatan menunjukkan 87.3 peratus responden adalah pada dimensi ekstrovert sementara 12.7 peratus adalah berada pada dimensi introvert. Dapatan kajian ini selari dengan kajian yang dilakukan oleh Narinder (2002) yang menunjukkan bahawa majoriti pelajar mempunyai personaliti ekstrovert iaitu 77.3 peratus berbanding 22.7 peratus yang mempunyai personaliti introvert. Menurut Narinder (2002) juga, responden yang mempunyai personaliti ekstrovert ini biasanya diasuh dengan gaya asuhan demokratik di mana ibu bapa mereka membenarkan anak-anak berinteraksi disamping member peluang untuk mereka mengemukakan pendapat secara bebas.

Dapatan kajian penyelidik boleh dikaitkan dengan peranan ibu bapa dalam mendidik anak-anak yang membentuk personaliti mereka. Menurut Oskasmazila (2000, dalam Sagilah, 2003), yang menyatakan bahawa amalan ibu bapa memenuhi keperluan anak aspek asuhan mempunyai hubungan dengan pembentukan personaliti remaja. Kajian oleh Rodzik (1998, dalam Sagilah, 2003) pula mendapati terdapat faktor-faktor lain yang turut mempengaruhi ke arah pembentukan personaliti pelajar. Menurut Shahabudin et al. (2003), terdapat banyak faktor yang mempengaruhi personaliti pelajar antaranya ialah faktor keluarga, rakan sebaya, masyarakat sekeliling, faktor pemakanan dan faktor sekolah. Ini bermakna setiap individu di sekeliling mempunyai kebarangkalian dalam membentuk personaliti mereka.

Selain itu, hasil analisis untuk dimensi personaliti neurotisme pula, menggambarkan lebih dari separuh responden adalah mempunyai dimensi yang stabil emosinya iaitu sebanyak 88.0 peratus dan selebihnya iaitu 12.0 peratus mengalami ketidak stabilan emosi. Dapatan kajian ini selari dengan kajian yang dijalankan oleh Musa (2005) yang menunjukkan bahawa majoriti pelajar mempunyai personaliti emosi yang stabil iaitu 54.0 peratus. Oleh itu, untuk mengelakkan terbentuknya personaliti neurotik, mereka mestilah didedahkan dengan pelbagai kaedah pembelajaran yang berbentuk aktiviti berkumpulan supaya pelajar dapat belajar berinteraksi dengan individu di sekelilingnya.

Rujukan

- Azlina Mohd. Kosnin, Saniah Sayuti dan Azizah Rejab. (2002). *Pengaruh Persepsi Terhadap Tingkahlaku Keibubapaan Terhadap Penghargaan Kendiri Pelajar Awal Dewasa*. Universiti Teknologi Malaysia: Laporan Penyelidikan.
- Bischof, L. J. (1991) *Interpreting Personality Theories. 2nd ed.* New York : Harper & Rows Publishers, Inc.
- Combs, A.W. and Soper, D. (1957). *The Self Its Derivative Terms and Research*. Journal of Individual Psychology. 13. 134-5.
- Coopersmith, S. (1980) *The Antecedents of Self Esteem*. San Francisco : Freeman.
- Dusek, Jerome B. (1996). *Adolescent Development and Behavior*. Upper Saddle River, NJ: Prentice Hall.
- Entwistle, Noel. (1981). *Styles of Learning and Teaching : An Integrated Outline of Educational Psychology for Students, Teachers, and Lecturers*. Chichester : John Wiley.

- Eysenck, H. J. (1947) *Dimensions of Personality*. London : Routledge and Kegan Paul.
- Feist, J. (1985) *Theories of Personality*. New York : Holt, Rinehart and Winston.
- Fouzder, N.B and Markwick, Andrew J.W. (2000). *Self-Perception, Individual Learning Style and Academic Achievement of A Pair of Bilingual Twins in A Secondary School*. International Journal of Science Education. Vol. 22. Issue 6. 583-602.
- Greenberg, Jerrold S. (1992). *Your Personal Stress Profile and Activity Workbook*. Madison: Brown & Benchmarki.
- Hamachek, Don E. (1971). *Encounters with The Self*. New York : Holt, Rinehart and Winston.
- James, G Clawson. (1990). *Self-Assessment and Career Development*. Englewood Cliffs, NJ : Prentice Hall.
- Kagan, Jerome. (1969). *Understanding Children : Behavior, Motives And Thought*. New York : Harcourt Brace Jovanovich.
- Mok Soon Sang (2002). *Psikologi Pendidikan*. Subang Jaya : Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Murugiah Velayutham (1997). *Psikologi Pendidikan : Psikologi Perkembangan*. Kuala Lumpur : Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Nada Abi Samra. (2000). *The Relationship Between Emotional Intelligence and Academic Achievement in Eleventh Graders*. Montgomery: Auburn University.
- Potkay, Charles R. dan Allen, Bem P. (1986). *Personality : Theory, Research and Applications*. California : Wadsworth Inc.
- Robiah Sidin dan Zaiton Sidin. (1987). *Sosiologi Pendidikan*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Smith, H. W. (1987). *Introduction to Social Psychology*. New Jersey : Prentice Hall Inc.
- Tajul Ariffin Noordin. (1990). *Pendidikan : Suatu Pemikiran Semula*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Woolfolk, A. E. (1998) 7th ed. *Educational Psychology*. London : Allyn and Bacon.
- Zulkifli Mohd Yasin. (2003). *Hubungan Antara Konsep Kendiri dengan Pencapaian Akademik Pelajar-Pelajar Sekolah Menengah Luar Bandar Daerah Pontian*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana Muda.